



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN  
TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (48)  
Tarikh : 25 Mei 2018

## **SIARAN MEDIA**

### **PEMBUBARAN JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK**

---

Jemaah Menteri yang bersidang pada 23 Mei 2018 (Rabu) telah memutuskan supaya beberapa agensi dan badan-badan Kerajaan dibubarkan. Salah satu daripadanya adalah Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP). JPP merupakan satu entiti yang dianggotai oleh wakil masyarakat setempat bagi mendokong dan memantau pelaksanaan program-program pembangunan, kemasyarakatan dan modal insan yang dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan di samping menangani isu-isu perbandaran dan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Penubuhan JPP yang bermula pada tahun 2014 melibatkan 2,276 zon di 98 Pihak Berkuasa Tempatan di 11 buah Negeri di Semenanjung Malaysia.

Berdasarkan kepada maklumat dan laporan pemantauan oleh KPKT, penubuhan JPP didapati tidak menepati objektif penubuhannya. Antara isu-isu utama adalah, kebanyakan anggota JPP yang telah dilantik kurang proaktif dalam melaksanakan aktiviti/program di kawasan setempat. Selain itu, sebahagian anggota JPP didapati memegang jawatan dalam parti politik tertentu dan gagal memainkan peranan dalam mewujudkan hubungan yang baik antara masyarakat di kawasan kejuruan setempat. Ini menyebabkan masyarakat tidak mendapat manfaat sepenuhnya daripada penubuhan JPP tersebut.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan berpendapat JPP didapati tidak lagi relevan untuk diteruskan. Melalui pengumuman pembubaran ini, kesemua anggota JPP yang telah dilantik akan ditamatkan pelantikan berkuat kuasa mulai 23 Mei 2018 (Rabu).

Pembubaran JPP ini akan menghasilkan penjimatan perbelanjaan Kerajaan sebanyak RM37 juta setahun.

Berikutan pembubaran ini juga, KPKT akan menyelaraskan kembali semua perjawatan di Unit Kesejahteraan Bandar dan Cawangan Pembangunan Komuniti Bandar, Bahagian Kesejahteraan Bandar, KPKT dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

**MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**25 MEI 2018**